**KENYATAAN AKHBAR**
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

# SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 17 NOVEMBER 2020

## STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **1,018 kes.** Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **36,624 kes** (73.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Secara keseluruhannya, sehingga 17 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **1,210 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **49,730 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 12,788 kes**.

Negeri-negeri di Lembah Klang mencatatkan sebanyak 518 kes positif (42.8 peratus) pada hari ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 435 kes (84.0 peratus) adalah daripada kluster-kluster. Sebanyak 206 kes yang dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah daripada **Kluster Tapak Bina Damanlela** yang kesemuanya melibatkan bukan warganegara. Sebanyak 142 kes (52.4 peratus) yang dilaporkan di Selangor pula adalah daripada **Kluster Teratai** yang melibatkan 131 (92.3 peratus) bukan warganegara. Kedua-dua kluster ini merupakan kluster yang melibatkan tempat kerja.

Negeri Sabah pula mencatatkan sebanyak 499 kes (41.2 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini. Sebanyak 122 kes (24.4 peratus) dilaporkan daripada Kluster Penjara Sandakan (122 kes) manakala 106 kes (21.2 peratus) pula adalah daripada kluster baharu iaitu **Kluster Avenue.**

Sebanyak 172 kes (14.2 peratus) yang dilaporkan pada hari ini adalah berkaitan kluster-kluster di penjara. Ini melibatkan Kluster Penjara Sandakan (122 kes), Kluster Tembok (20 kes), Kluster Penjara Kepayan (16 kes), dan Kluster Penjara Seberang Perai (14 kes).

Ingin dimaklumkan daripada 1,210 kes baharu pada hari ini, terdapat **<u>19 kes import</u>** yang mendapat **<u>jangkitan dari luar negara.</u>** Kes-kes tersebut melibatkan lima (5) warganegara dan 14 bukan warganegara yang tiba dari negara:

- Nepal (4 kes);
- Qatar (3 kes);
- India (3 kes);
- Filipina (2 kes);
- Nigeria (1 kes);
- Amerika Syarikat (1 kes);
- Turki (1 kes);
- Rusia (1 kes);
- Tunisia (1 kes);
- Romania (1 kes); dan
- Myanmar (1 kes).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **<u>Sabah</u>: 499 kes**
  - 292 kes daripada kluster-kluster, termasuk 112 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Avenue** dan **Kluster Kejora**;

- 117 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 90 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 259 kes**
  - 208 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 39 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 238 kes**
  - 227 kes daripada kluster-kluster, termasuk 19 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kasah**;
  - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 67 kes**
  - 56 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **<u>Perak</u>: 47 kes**
    - 41 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **<u>Pulau Pinang</u>: 33 kes**
    - 30 kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Summer**;
    - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Dua (2) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI).

- **<u>Kelantan</u>: 19 kes**
    - 18 kes daripada kluster-kluster, termasuk 12 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Mengketil**; dan
    - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI).

- **<u>Johor</u>: 14 kes**
    - Empat (4) kes daripada kluster sedia ada; dan
    - Sepuluh (10) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Kedah: Lapan (8) kes**
  - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Melaka: Dua (2) kes**
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Dua (2) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1) kes** *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI).

- **Sarawak: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Terengganu: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **105 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU),** di mana **40 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **lima (5) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **318 kes** (0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

| No. Kematian | Kes No. | Negeri | Jantina (warganegara) | Umur (tahun) | Hospital | Latar Belakang |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 314 | 42857 | Perak | Perempuan (WN) | 59 | Hospital Raja Permaisuri Bainun | Penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung, dan penyakit buah pinggang kronik |
| 315 | 35426 | Sabah | Lelaki (WN) | 65 | Hospital Duchess of Kent | Penyakit obstruktif paru-paru kronik (COAD) |
| 316 | 47698 | Sabah | Lelaki (WN) | 80 | Hospital Tawau | Penyakit darah tinggi, dislipidemia dan asma |
| 317 | 47700 | Sabah | Perempuan (BWN) | 65 | Hospital Queen Elizabeth | - |
| 318 | 47699 | Sabah | Lelaki (BWN) | 25 | Hospital Queen Elizabeth | Skizofrenia dan obesiti |

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

**<u>KLUSTER-KLUSTER YANG DIISYTIHAR TAMAT</u>**

KKM ingin memaklumkan bahawa **lima (5) kluster** diisytiharkan tamat pada hari ini

### 1. KLUSTER BANGAU-BANGAU

Kluster ini melibatkan daerah Semporna dan Tawau di Sabah. Sehingga 17 November 2020, seramai 1,010 individu telah disaring di mana 432 kes dikesan positif COVID-19 manakala 578 individu lagi adalah negatif. Terdapat empat (4) kes kematian dilaporkan bagi kluster ini.

### 2. KLUSTER TASIK

Kluster ini melibatkan daerah Petaling, Hulu Langat, Klang dan Gombak di Selangor; serta daerah Miri di Sarawak. Sehingga 17 November 2020, seramai 635 individu telah disaring di mana 24 kes dikesan positif COVID-19 manakala 611 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

## 3. KLUSTER OLIVE

Kluster ini melibatkan daerah Hulu Langat, di Selangor; Penampang dan Kota Marudu di Sabah. Sehingga 17 November 2020, seramai 285 individu telah disaring di mana 18 kes dikesan positif COVID-19 manakala 267 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

## 4. KLUSTER BUANG SAYANG

Kluster ini melibatkan daerah Sipitang, Pitas, dan Putatan, di Sabah; Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; serta Seremban dan Rembau di Negeri Sembilan. Sehingga 17 November 2020, seramai 415 individu telah disaring di mana 17 kes dikesan positif COVID-19 manakala 398 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

## 5. KLUSTER KAU SING

Kluster ini melibatkan daerah Tawau di Sabah. Sehingga 17 November 2020, seramai 52 individu telah disaring di mana 16 kes dikesan positif COVID-19 manakala 36 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

## LIMA (5) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat lima (5) kluster baharu telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

### 1. KLUSTER AVENUE

Kluster baharu ini melibatkan daerah Penampang di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-39819) merupakan seorang penyelia tapak pembinaan yang telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 8 November 2020. Kes indeks telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sabah. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 109 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 17 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 246 individu telah disaring, di mana:

- 110 kes dikesan positif COVID-19 **(106 kes baharu)**; dan
- 136 individu dikesan negatif.

## 2. KLUSTER KEJORA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu, negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-48798) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 9 November 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak lapan (8) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 17 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 71 individu telah disaring, di mana:

- Sembilan (9) kes dikesan positif COVID-19 **(6 kes baharu)**; dan
- 62 individu dikesan negatif.

## 3. KLUSTER KASAH

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kepong, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan kumpulan berisiko tinggi iaitu pekerja-pekerja di sebuah syarikat keselamatan pada 17 November 2020. Kesemua kes merupakan bukan warganegara dan mereka telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 17 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 70 individu telah disaring, di mana:

- 19 kes dikesan positif COVID-19 **(19 kes baharu)**;  dan
- 51 individu masih menunggu keputusan.

## 4. KLUSTER SUMMER

Kluster baharu ini melibatkan daerah Timur Laut di Pulau Pinang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-42775) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 10 November 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 10 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang.

Sehingga 17 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 53 individu telah disaring, di mana:

- 11 kes dikesan positif COVID-19 **(3 kes baharu)**;
- 38 individu dikesan negatif; dan
- Empat (4) individu masih menunggu keputusan.

## 5. KLUSTER MENGKETIL

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Bharu, Machang dan Tanah Merah di negeri Kelantan dan daerah  Besut di negeri

Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-45094) merupakan kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI), dan telah dikenal pasti positif COVID-19 pada 13 November 2020. Kes telah dimasukkan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 23 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 17 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 210 individu telah disaring, di mana:

- 24 kes dikesan positif COVID-19 **(12 kes baharu)**;
- 164 individu dikesan negatif; dan
- 22 individu masih menunggu keputusan.

## TINDAKAN OLEH MAJIKAN BAGI MEMBANTU MENANGANI PENULARAN COVID-19

Untuk makluman daripada 162 kluster aktif COVID-19 yang dilaporkan, sebanyak 72 kluster adalah berkaitan dengan tempat kerja termasuk empat (4) kluster baharu yang diumumkan pada hari ini. Peningkatan kes mendadak di negeri-negeri Lembah Klang akhir-akhir ini adalah disebabkan oleh peningkatan kes berkaitan dengan tempat kerja. Ini berikutan ketiga-tiga negeri ini adalah pusat tumpuan warga pekerja. Kepadatan penduduk di negeri-negeri ini juga menjadi salah satu faktor risiko

meningkatnya kadar kebolehjangkitan atau penularan penyakit COVID-19.

Tenaga kerja adalah merupakan aset berharga bagi sesebuah syarikat mahupun organisasi. Ini termasuklah pekerja dari kalangan warganegara mahu pun bukan warganegara.

Seperti yang KKM sering tekankan, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada penularan penyakit berjangkit di kalangan pekerja misalnya isu tempat penginapan, kebersihan kendiri dan juga persekitaran di tempat tinggal serta tempat kerja. Memandangkan isu penularan COVID-19 di kalangan pekerja bukan warganegara adalah merupakan isu penting yang perlu ditangani, KKM menyeru pihak majikan untuk memainkan peranan lebih besar dalam sama-sama menanganinya.

Antara tindakan yang boleh diambil adalah:

- Memberi pendidikan kepada para pekerja tentang amalan kebersihan kendiri, persekitaran di tempat kerja dan tempat tinggal, serta langkah pencegahan;
- Menyediakan penginapan yang kondusif untuk memastikan penjarakan fizikal yang selamat dapat diamalkan;

- Memantau dan memastikan amalan pencegahan jangkitan dipraktikkan oleh pekerja di tempat kerja dan tempat penginapan mereka.

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C :** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation)*.**
- **Amalkan 3W :** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
    - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
    - Amalkan etika batuk dan bersin;

    - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
    - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
    - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S :** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P :** Penjarakan fizikal *(physical distancing)* sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**

**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

17 November 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 17 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

| NEGERI | BILANGAN KES BAHARU *( ) | BILANGAN KES KUMULATIF |
|---|---|---|
| **SABAH** | 499 | 23,882 |
| **SELANGOR** | 271 (12) | 8,046 |
| **W.P. KUALA LUMPUR** | 245 (7) | 4,613 |
| **NEGERI SEMBILAN** | 67 | 3,578 |
| **KEDAH** | 8 | 2,281 |
| **PULAU PINANG** | 33 | 1,687 |
| **W.P. LABUAN** | 1 | 1,186 |
| **SARAWAK** | 1 | 1,042 |
| **JOHOR** | 14 | 1,016 |
| **PERAK** | 47 | 932 |
| **PAHANG** | 0 | 395 |
| **MELAKA** | 2 | 370 |
| **TERENGGANU** | 1 | 230 |
| **KELANTAN** | 19 | 237 |
| **W.P. PUTRAJAYA** | 2 | 194 |
| **PERLIS** | 0 | 41 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **1,210 (19)** | **49,730** |

*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**LAMPIRAN 2**

## Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif
## (17 November 2020)

| Bil. | Kluster | Negeri | Daerah | Kes Baharu | Jumlah Kes | Jumlah Yang Disaring | Kes Aktif (Kes ICU) | Jumlah Sembuh | Jumlah Kematian |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Tapak Bina Damanlela | WP Kuala Lumpur, Selangor | Kepong, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras, Gombak, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat | 206 | 1,338 | 3,097 | 1,323 (0) | 15 | 0 |
| 2 | Teratai | Selangor | Klang, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat, Gombak | 142 | 370 | 586 | 330 (0) | 40 | 0 |
| 3 | Penjara Sandakan | Sabah | Sandakan | 122 | 559 | 1,742 | 319 (0) | 239 | 1 |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4 | Cergas | Negeri Sembilan, Kelantan, Selangor | Seremban, Rembau, Port Dickson, Pasir Puteh, Klang | 42 | 1,236 | 4,639 | 1,045 (0) | 191 | 0 |
| 5 | Jernih | Negeri Sembilan, Selangor | Seremban, Port Dickson, Sepang | 28 | 66 | 213 | 41 (0) | 25 | 0 |
| 6 | Tembok | Kedah, Perak | Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Larut Matang & Selama, Hilir Perak, Kinta | 20 | 1,963 | 9,426 | 396 (4) | 1,562 | 5 |
| 7 | Buntar | Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, | Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut Matang & Selama, Batang Padang, Hilir Perak, Kampar, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, | 20 | 124 | 1,789 | 68 (5) | 55 | 1 |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Pulau Pinang | Sepang, Seberang Perai Selatan | | | | | | |
| 8 | Penjara Kepayan | Sabah | Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang | 16 | 1,857 | 3,638 | 197 (1) | 1,660 | 0 |
| 9 | Perigi | Selangor | Klang, Kuala Langat | 16 | 276 | 852 | 237 (0) | 39 | 0 |
| 10 | Mesra | Sabah | Sandakan | 16 | 187 | 766 | 79 (1) | 107 | 1 |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 11 | Kaya | Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor, Johor, Kelantan | Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Rembau, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat, Kluang, Kota Tinggi, Kota Bharu | 14 | 820 | 3,562 | 295 (2) | 525 | 0 |
| 12 | Penjara Seberang Perai | Pulau Pinang | Seberang Perai Selatan | 14 | 571 | 3,254 | 99 (1) | 472 | 0 |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 | Intan | Pulau Pinang, Kedah | Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Kuala Muda, Sik | 12 | 166 | 1,808 | 122 (1) | 44 | 0 |
| 14 | GK Tawau | Sabah | Tawau | 10 | 64 | 168 | 20 (0) | 44 | 0 |
| 15 | Usaha | Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor | Klang, Petaling, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sepang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Segamat | 9 | 283 | 641 | 148 (0) | 135 | 0 |
| 16 | Ria-30 | Sabah | Tuaran | 7 | 145 | 2,011 | 121 (0) | 24 | 0 |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 17 | Permatang | Kedah, Pulau Pinang, Perak, Perlis | Kulim, Langkawi, Kota Setar, Bandar Baharu, Kuala Muda, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut, Seberang Perai Selatan, Kinta, Arau | 5 | 80 | 1,720 | 60 (2) | 19 | 1 |
| 18 | Kube | Kelantan, Selangor | Kota Bharu, Tanah Merah, Petaling | 5 | 25 | 842 | 25 (0) | 0 | 0 |
| 19 | Jeri | Johor | Kota Tinggi, Mersing, Muar, Tangkak | 4 | 35 | 1,078 | 35 (0) | 0 | 0 |
| 20 | Utama | Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur | Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Sepang, Alor Gajah, Lembah | 3 | 274 | 1,228 | 32 (0) | 242 | 0 |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras | | | | | | |
| 21 | Taman Bunga | Negeri Sembilan | Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol | 3 | 59 | 1,450 | 18 (0) | 41 | 0 |
| 22 | Assumption | Pulau Pinang, Kedah | Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Kulim | 3 | 17 | 102 | 17 (0) | 0 | 0 |
| 23 | Hentian | Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan | Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Gombak, Kuala Langat, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban | 2 | 815 | 7,915 | 409 (0) | 406 | 0 |
| 24 | Lengkuk | Selangor, Negeri Sembilan | Sepang, Hulu Langat, Petaling, Kuala Langat, Seremban, Port Dickson, | 2 | 276 | 1,381 | 129 (0) | 147 | 0 |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Rembau, Jelebu, Kuala Pilah | | | | | | |
| 25 | Jaya | Negeri Sembilan, Selangor | Seremban, Sepang, Kuala Langat | 2 | 100 | 361 | 36 (0) | 64 | 0 |
| 26 | Gedong | Negeri Sembilan, Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya | Seremban, Port Dickson, Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Petaling, Gombak, Klang, Johor Bahru, Cheras, Lembah Pantai, Putrajaya | 2 | 71 | 767 | 24 (1) | 47 | 0 |
| 27 | Teduh | Sabah | Lahad Datu | 2 | 51 | 2,790 | 7 (0) | 44 | 0 |
| 28 | Liawan | Sabah | Keningau | 2 | 49 | 127 | 45 (0) | 4 | 0 |
| 29 | Plaza | Sabah | Kota Kinabalu | 2 | 14 | 19 | 14 (0) | 0 | 0 |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30 | Bah Manggis | Sabah, Selangor, Negeri Sembilan | Tawau, Kuala Langat, Klang, Gombak, Sepang, Seremban, Port Dickson | 1 | 165 | 2,367 | 22 (0) | 143 | 0 |
| 31 | Rengas | Perak, Pulau Pinang, Kedah | Kuala Kangsar, Seberang Perai Selatan, Kulim | 1 | 125 | 841 | 112 (0) | 13 | 0 |
| 32 | Tanamera | Sabah | Tawau, Tuaran | 1 | 83 | 160 | 42 (0) | 41 | 0 |
| 33 | Berendam | Melaka, Johor | Alor Gajah, Melaka Tengah, Tangkak | 1 | 37 | 2,404 | 35 (2) | 2 | 0 |
| 34 | Istimewa | Sabah | Sandakan | 1 | 22 | 54 | 15 (0) | 7 | 0 |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 35 | Danau | WP Kuala Lumpur | Titiwangsa | 1 | 17 | 1,680 | 9 (0) | 8 | 0 |
| 36 | Sepanggar | Sabah | Kota Kinabalu | 1 | 10 | 128 | 8 (0) | 2 | 0 |